

**Dr Mastura Badzis →**

bhinita@bharian.com

**Puan Noor:** Saya ingin tahu, apakah elok sebenarnya sikap suka berlumba-lumba atau bersaing itu diterapkan kepada si kecil? Jika ya, seawal usia berapa? Saya bimbang sikap sedemikian tidak membantu perkembangan anak saya dari segi pembawaan diri, tapi lebih kepada sikap individualistik. Apakah pandangan saya salah atau betul? Saya juga sebenarnya rimas apabila topik pencapaian anak menjadi perbualan utama apabila berkumpul sesama rakan sejawat dan saudara mala. Untuk pengetahuan doktor, saya mempunyai sepasang anak berusia 4 dan 2 tahun.

**Ibu Resah**

**P**erasaan suka berlumba-lumba bagi si kecil berusia enam tahun ke bawah adalah semula jadi. Semakin membesar dan sudah boleh berinteraksi dengan adik-beradik serta rakan sebaya, mereka akan mula bersaing sesama sendiri. Bukan kerana mereka suka berlumba, tetapi lebih bertujuan mendapatkan perhatian.

Justeru, jika persaingan itu berlaku atas dasar provokasi, kita bimbang ia hanya mencetuskan rasa rendah diri kanak-kanak terutama jika si kecil selalu dianggap ketinggalan, tidak bersungguh, tiada daya saing dan sebagainya.

Hal ini sebenarnya berkait rapat dengan apa dia panggil isu mentaksir dan menilai perkembangan kanak-kanak. Satu perkara yang perlu diambil perhatian ialah penilaian bukanlah bertujuan membandingkan tahap pencapaian antara kanak-kanak dengan rakanannya, tapi untuk mengukur sejauh manakah keupayaan yang sudah dicapai kanak-kanak.

**Nilai pencapaian**  
Anak adalah individu unik yang sememangnya berbeza tahap pencapaian dan perkembangannya. Setiap anak memang pasti ada kelebihan dan kekuatan. Konsep 'penilaian pencapaian' sebenar bukanlah untuk membandingkan, tetapi lebih melihat perbandingan apa yang kanak-kanak itu boleh buat sebelum ini dan perkembangannya selepas sesatu tempoh.

Tujuan utama pencapaian seseorang kanak-kanak itu akan 'dilabel' sebagai lemah, pandai dan sebagainya tanpa melihat proses



**“**  
**MEMANG TIDAK DAPAT DINAFIKAN ADA RAMAI KANAK-KANAK DAN REMAJA HARI INI TERTEKAN HANYA KERANA MEREKA TERPAKSA MEMENUHI HARAPAN TINGGI IBU BAPA YANG KADANGKALA DI LUAR KEUPAYAAN MEREKA”**

**INFO****Selami jiwa anak**

© Meletakkan harapan tinggi kepada anak adalah perlu, namun pada masa sama, ibu bapa perlu peka memberi rangsangan yang betul dan sokongan moral dan emosi berterusan kepada anak. Ini meliputi aspek prasaranan, motivasi, pemakanan, kasih sayang dan persekitaran yang boleh mendorong anak belajar.

© Jangan terlalu mendesak atau meletakkan sasaran yang tinggi, jauh sekali membanding-bandingkan dirinya dengan orang lain.

© Ada pelajar sentiasa disogokkan tanggapan gagal bermakna tidak berguna. Pemikiran seperti itu perlu diubah kerana akademik bukan segala-galanya dan apa pun aspek yang dikuasai oleh individu boleh dirangsang untuk menjadi cemerlang jika disalurkan ke jalan sepatahnya dan kena caranya.

bapa, akan mengalami rasa rendah diri berpanjangan, boleh memberi kesan negatif kepada pemikiran dan tingkah laku mereka yang membawa kepada apa yang dipanggil sebagai depressive disorder.

Prinsip paling utama dalam melaksanakan penilaian ialah menghargai kanak-kanak yang secara tidak langsung dapat membantu mereka memupuk rasa harga diri yang tinggi dan yakin terhadap setiap apa dilakukan. Penghargaan ini dapat dilahirkan menerusi tindakan, kata-kata, tingkah laku, aktiviti harian dan juga sikap ibu bapa, malah pengaruh pada pendidikan di sekolah.

Satu yang sewajarnya diberi perhatian, penilaian sesuatu pencapaian tidak sejurnya hanya sekadar menilai tahap pencapaian akademik kanak-kanak dan meminggirkan aspek afektif atau sosioemosi juga psikomotor.

Potensi kanak-kanak dapat digarap dengan cemerlang dan gemilang tanpa ada unsur tekanan dan paksaan terhadap si kecil. Di samping itu, definisi 'pendidikan' bagi kanak-kanak perlu dipelihara agar tidak disalah tafsir.

**Anda ada masalah dengan anak?**  
Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Professor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhinita@bharian.com.my](mailto:bhinita@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat: **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**

# Usah label si kecil

» **Tekanan anak bersaing boleh berimbas buruk**

adalah untuk memahami keperluan setiap kanak-kanak, mengesan perkembangan dan pertumbuhan normal kanak-kanak secara menyeluruh dan melihat perubahan pada sesuatu aspek perkembangannya.

Apabila perkara asas kelemahan atau kekuatan seseorang kanak-kanak itu dapat dikenal pasti, ia dapat membantu ibu bapa mencari jalan bagaimana membandingkan tahap pencapaian antara kanak-kanak dengan rakanannya, tapi untuk mengukur sejauh manakah keupayaan yang sudah dicapai kanak-kanak.

Penilaian pencapaian kanak-kanak tidak sejurnya dijadikan bahan bualan kerana berkemungkinan seseorang kanak-kanak itu akan 'dilabel' sebagai lemah, pandai dan sebagainya tanpa melihat proses

yang berlaku dan faktor atau punca kemampuan kanak-kanak melakukan atau tidak sesuai perkara itu.

Pemerhatian terhadap perkembangan individu kanak-kanak secara menyeluruh berdasarkan kepada pemerhatian yang berterusan perlu terlebih dulu dilakukan kerana persekitaran juga turut memberi kesan kepada pencapaianannya.

**Asas kemampuan**  
Kanak-kanak tidak sepertinya dipandang rendah dan lemah hanya kerana mereka tidak tahu atau tidak boleh buat sesuatu perkara, sebaliknya mereka sepatutnya diberi peluang meneruskan pembelajaran berdasarkan kemampuannya.

Memang tidak dapat

dinafikan hari ini ada kecenderungan ibu bapa seolah-olah mahu bersaing dengan rakan masing-masing anak siapa paling pandai dan meletakkan beban ke dalam diri anak tanpa disedari penerimaan anak terhadap harapan ibu bapa mereka tidak sama.

Ibu bapa perlu memahami perkembangan dan keupayaan anak adalah berbeza antara satu dengan yang lain meskipun mereka dilahirkan pada hari dan tahun sama. Setiap mereka mempunyai potensi aspek kebolehan yang ada pada mereka juga tidak sama.

**Impak desakan**  
Kanak-kanak yang tertekan perasaan akibat desakan memenuhi impian ibu